

EDISI 10

JUN 2023

# BULETIN APB

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KAMPUS SEREMBAN



# *Pengajaran Kolaboratif: Program Jalinan Kerjasama (MoU) APB UiTM Rembau bersama IAIN Palangkaraya, Kalimantan Tengah Indonesia*

**MASHITAH NORDIN & NUR AINI ARIFFIN**


UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS REMBAU

Pada 5 Ogos 2021, Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau telah berjaya menandatangani surat perjanjian MoU dengan Institut Agama Islam Negeri Palangkaraya, Kalimantan Tengah, Indonesia untuk berkolaborasi menjalankan beberapa aktiviti bersama.

Usaha kolaborasi MoU merupakan salah satu usaha yang penting di mana dua institusi pendidikan tinggi dapat berkongsi ilmu ke arah pendidikan cemerlang global. Selain itu, usaha ini juga dapat mengukuhkan lagi kolaborasi akademik dan penyelidikan sekaligus menyediakan peluang dan ruang untuk berkongsi kepakaran di antara institusi.

Oleh itu, APB, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau mengambil inisiatif untuk menganjurkan Program Pengajaran Kolaborasi: TAC151 (Bahasa Arab Asas Tahap II) pada 17 April 2023 secara dalam talian menggunakan aplikasi Cisco Webex sebagai aktiviti kolaborasi bagi memantapkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar di samping membina jaringan rapat bersama rakan kolaborasi di peringkat antarabangsa.


Program yang dianjurkan ini merupakan salah satu daripada aktiviti kolaborasi Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau bersama Institut Agama Islam Negeri Palangkaraya, Indonesia. Melalui program ini, pelajar diploma bagi kod kursus TAC151 (Bahasa Arab Asas Tahap II) dari Fakulti Pengurusan Perniagaan berpeluang mempelajari Bahasa Arab daripada pensyarah jempuan luar negara dan berkongsi ilmu serta pengetahuan bersama rakan-rakan daripada 3 buah kampus cawangan UiTM yang berlainan iaitu UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau, UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat dan UiTM Cawangan Sabah, Kampus Kota Kinabalu.



Selain itu, pengajaran kolaboratif ini dapat memantapkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) sekali gus meningkatkan motivasi para pelajar untuk mempelajari dan mendalami ilmu-ilmu Bahasa Arab. Di samping itu, program ini melibatkan interaksi dua hala di mana para peserta mengajukan soalan berkaitan topik kepada penceramah dan sesi dijalankan dengan sangat lancar.

Secara keseluruhannya, Program Pengajaran Kolaboratif: TAC151 (Bahasa Arab Asas Tahap II) ini telah berjalan dengan lancar hasil paduan tenaga daripada semua jawatankuasa pelaksana yang terlibat. Di samping itu, komitmen yang ditunjukkan oleh para peserta juga telah membantu program ini dijalankan tanpa sebarang masalah yang besar. Walaupun program ini diadakan secara dalam talian, kesemua aktiviti yang dirangka dapat dijalankan mengikut perancangan awal dengan jayanya.

Namun begitu, masalah capaian internet penceramah dan sebahagian peserta sedikit sebanyak merencatkan kelancaran perjalanan program. Capaian internet yang lemah semasa sesi berlangsung menyebabkan pembentangan oleh penceramah dan aktiviti permainan bahasa yang dijalankan tergendala untuk beberapa ketika. Terdapat juga sebahagian peserta yang tidak dapat mengikuti program ini sehingga tamat akibat daripada kapasiti capaian internet yang rendah.



Berikut disenaraikan beberapa cadangan penambahbaikan hasil daripada maklum balas yang diberikan oleh para peserta:

1. Bagi masalah capaian internet yang rendah, ianya merupakan masalah teknikal yang membabitkan kawasan penempatan para peserta itu sendiri. Sekiranya program yang akan datang dijalankan secara maya sekali lagi, maka para peserta akan diingatkan untuk berada di kawasan yang mempunyai capaian internet yang lebih baik bagi memastikan kelancaran program. Masalah ini juga boleh diatasi sekiranya para pelajar berada di dalam kawasan kampus.
2. Pemilihan masa yang lebih sesuai selain daripada jam 12.00 p.m – 2.00 p.m kerana para pelajar perlu bersedia untuk ke kelas seterusnya.
3. Selain daripada pengajaran kolaboratif, adalah diharapkan agar pihak APB dapat mempelbagaikan lagi bentuk kolaborasi akademik bersama institusi luar, seperti mengadakan Kem Bahasa Arab Nusantara dan Hari Dwibahasa Antarabangsa. Hal ini secara tidak langsung dapat memupuk minat para pelajar untuk mempelajari bahasa ketiga khususnya.

Secara keseluruhannya, Program Pengajaran Kolaboratif: TAC151 (Bahasa Arab Asas Tahap II) ini telah berjalan dengan lancar. Program ini juga telah berjaya mencapai objektif pelaksanaan yang ditetapkan; antaranya menyediakan platform kepada para pelajar untuk belajar Bahasa Arab bersama pensyarah jemputan dari luar negara. Melalui program ini juga dapat dilihat bahawa pengajaran kolaboratif melibatkan beberapa institusi mampu untuk dijalankan secara maya walaupun terdapat sedikit masalah daripada segi capaian internet. Maklum balas yang diterima hasil soal selidik pada akhir program juga adalah positif di mana rata-rata peserta memberikan cadangan agar program seumpama ini diadakan lagi pada masa akan datang.